



## **KENYATAAN MEDIA**

**UNTUK SIARAN SERTA MERTA**

### **PERNAS BERI PEMBIAYAAN KEPADA SEOUL GARDEN BUKA CAWANGAN BAHARU**

**KUALA LUMPUR, 11 NOVEMBER 2024** – Zingapore Grill Private Limited menerusi jenama Seoul Garden, jenama francais dalam bidang makanan dan minuman (F&B) kini sedang mempergiat usaha melebarkan sayap dengan membuka 15 cawangan baharu pada tahun 2025. Pembukaan cawangan ini termasuklah empat (4) cawangan Seoul Garden Buffet, dua (2) cawangan Seoul Garden Hotpot dan sembilan (9) cawangan Seoul Garden Korbi Grill.

Pelancaran cawangan jenama Seoul Garden Korbi Grill pada hari ini merupakan cawangan ketiga bagi jenama ini dan cawangan ke-48 bagi jenama Seoul Garden.

Seoul Garden Korbi Grill mempunyai cawangan di MyTown Shopping Mall, Kuala Lumpur, The Summer Shopping Mall, Kuching dan yang terbaru di Jaya Shopping Centre, Selangor.

Menurut Wan Khairul Annuar Bin Wan Zainal, Pengarah Francais, Zingapore Grill Private Limited, "Pembukaan cawangan jenama ini tidak terhad secara agresif di dalam negara, malah kami juga telah menembusi pasaran Asia Tenggara seperti Brunei, Vietnam, Thailand, Myanmar dan Singapura."

Tambah beliau, usaha menambah jumlah cawangan di negara ini turut disokong oleh PERNAS dengan bantuan pembiayaan dan latihan kepada para francais. Untuk pembukaan cawangan pada hari ini merupakan hasil bantuan PERNAS dengan pembiayaan sebanyak **RM500,000** melalui Program Be Your Own Boss (BYOB) di bawah skim Successful Woman Entrepreneurship Engagement Talent (SWEET).

Manakala, Tengku Mohamed Fadhli Tengku Hamzah, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif PERNAS menyatakan, cawangan Seoul Garden Korbi Grill ini merupakan cawangan pertama yang menerima bantuan dari PERNAS.

“PERNAS mengalu-galukan lebih ramai usahawan untuk menyertai program BYOB di mana bakal usahawan bukan sahaja menerima bantuan pembiayaan, malah latihan mengenai francais secara komprehensif melalui Franchise Institute yang dimiliki PERNAS serta pantauan selama enam (6) bulan yang pertama bagi memastikan bakal usahawan menjalankan perniagaan mereka dengan baik.” tambah beliau.

Hadir sama Puan Afizah Hamdan, francais Seoul Garden Korbi Grill cawangan Jaya Shopping Centre.

Untuk urusan media, sila hubungi:

**Datin Suriani Abdul Rahman**

Ketua Jabatan Komunikasi Strategik PERNAS

suriani.rahman@pernas.my

03-2082 7941/012-201 7132

**Wan Khairul Annuar Bin Wan Zainal**

Franchise Director, Zingapore Grill Pte Ltd

[wankhairul@seoulgardengroup.com](mailto:wankhairul@seoulgardengroup.com)

012-3039087

---

***PERBADANAN NASIONAL BERHAD (PERNAS)***

PERNAS adalah sebuah syarikat pegangan pelaburan ditubuhkan pada 29 November 1969 yang dimiliki oleh Menteri Kewangan Diperbadankan (Kementerian Kewangan) dengan mandat untuk menerajui pembangunan industri francais di Malaysia.

Mulai 2004, Pernas mempunyai sasaran untuk menerajui perkembangan industri francais di Malaysia dan membangunkan jumlah usahawan francais, melalui kepakarannya dengan menawarkan perkhidmatan serta produk-produk yang berkualiti seperti berikut:

1. Skim pembiayaan yang merangkumi semua keperluan perniagaan termasuk perbelanjaan modal dan keperluan modal kerja;
2. Pembiayaan dan pelaburan ekuiti untuk membantu meningkatkan pemilikan ekuiti bumiputera dalam sektor francais strategik; dan
3. Khidmat latihan, bimbingan dan konsultasi untuk pembangunan usahawan ke arah perniagaan francais.

Pernas menyediakan khidmat latihan dan skim khas untuk francaisor dan francais dan mengalu-alukan rakan-rakan francais ke Malaysia.

Berpusat di Ibu Pejabat di Bangsar South, Pernas juga mempunyai lima (5) pejabat koridor iaitu Pejabat Koridor Utara, Pejabat Koridor Pantai Timur, Pejabat Koridor Selatan, Pejabat Koridor Sabah dan Pejabat Koridor Sarawak yang bersedia menjalankan peranan mereka dalam membangunkan lebih ramai francaisor dan francais.



Sesi memotong riben di cawangan Seoul Garden Korbi Grill di Jaya Shopping Centre. Tengku Mohamed Fadhli Tengku Hamzah (tengah) bersama Wan Khairul Annuar (kiri sekali) serta francaisi, Afizah Hamdan (dua dari kanan).



Sesi bergambar di hadapan outlet Seoul Garden Korbi Grill di Jaya Shopping Centre